

GARIS PANDUAN KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA MPC DI MENARA MATRADE, KUALA LUMPUR

TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua warga Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mengenai kemudahan tempat letak kereta yang disediakan di Menara MATRADE, Kuala Lumpur.

LATAR BELAKANG

Garis panduan ini dikeluarkan bagi menyelaraskan penggunaan tempat letak kereta oleh warga MPC selaras dengan peraturan dan ketetapan yang ditetapkan oleh pihak MATRADE, selaku tuan pemilik bangunan.

Langkah ini juga bertujuan memastikan pengurusan tempat letak kereta berjalan dengan teratur, adil dan selamat bagi semua pengguna.

KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA WARGA MPC

Kemudahan tempat letak kereta bagi warga MPC adalah seperti berikut:

TEMPAT LETAK KERETA – ZON A

1. Pihak MATRADE memperuntukkan tempat letak kereta di Zon A sebanyak 229 lot yang telah ditandakan dengan tulisan “MPC”. Lot parkir ini adalah kegunaan semua warga MPC yang bertugas di Menara MATRADE termasuk warga wilayah.
2. Semua warga MPC perlu mendaftarkan kad touch ‘n go bagi kegunaan satu kenderaan sahaja, melalui UKPK bagi kemudahan tempat letak kereta percuma. Sekiranya berlaku kehilangan/kerosakan RM30 akan dikenakan oleh pihak MATRADE bagi tujuan pendaftaran kad touch ‘n go yang baharu.
1. Semua warga MPC wajib parkir ditempat letak kereta yang telah dikhususkan sahaja (bertanda “MPC”) dan digalakkan meletak kenderaan secara “Parkir Undur”.

TEMPAT LETAK KERETA (MPC) – ARAS BAWAH B2

1. Tempat letak kereta di Parkir B2 (Aras Bawah Menara MATRADE) dibekalkan dengan sekeping pas kenderaan (transponder) dan 21 lot parkir dikhususkan untuk penggunaan berikut:

No	Jawatan	Bilangan (Lot)
1.	Pengerusi	1
2.	Ketua Pengarah	1
3.	Timbalan Ketua Pengarah	2
4.	Pengarah	9
5.	Kenderaan Rasmi Jabatan	4
6.	Lot parkir khas (MPC)	4
	*Pegawai Pentadbiran & Fasiliti (1 Lot)	
	*Pegawai IT (1 Lot)	
	**Lain-lain (2 Lot)	

* Kepentingan akses segera ke lokasi bagi menyokong operasi kritikal dan respons segera terhadap masalah teknikal atau pengurusan pejabat.

**Dengan kebenaran Pengarah/Ketua Bahagian Pentadbiran.

2. Bagi pegawai yang memerlukan kemudahan parkir lot khas, permohonan perlu mendapatkan kelulusan Pengarah/Ketua Bahagian Pentadbiran.
3. Sekiranya berlaku kehilangan/kerosakan RM150 akan dikenakan oleh pihak MATRADE bagi tujuan penggantian pas kenderaan.

LARANGAN

Tidak dibenarkan:

1. Menyalin dan menggandakan pas kenderaan (Aras B2).
2. Membawa masuk lebih daripada satu kenderaan yang telah didaftarkan.

LOT PETAK MATRADE

1. Parkir B2 juga mempunyai kemudahan petak bagi ibu mengandung atau warga yang mempunyai masalah kesihatan tertakluk kepada penilaian, kelulusan dan kekosongan lot parkir dari pihak MATRADE. Permohonan perlu melalui UKPK kepada pihak MATRADE.

PEMATUHAN GARIS PANDUAN

1. Semua warga MPC diwajibkan mematuhi garis panduan kemudahan tempat letak kereta ini dan sesuai dengan perjanjian penyewaan antara MATRADE dan MPC (Rujuk Lampiran I, Kedudukan Lot Parkir)
2. Tidak tertakluk kepada kebenaran dari pihak MATRADE(mengelakkan percanggahan dan pertindihan kuasa pihak MATRADE) dan atas dasar ihsan.

TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh dikeluarkan, dan tertakluk kepada pindaan berdasarkan arahan dan ketetapan baharu daripada pihak pengurusan Menara MATRADE.

Dikeluarkan oleh:

Unit Khidmat Pengurusan & Korporat (UKPK)
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Menara MATRADE
Kuala Lumpur